CSL

# PT3 2019

## PENTAKSIRAN

45

PENDIDIKAN ISLAM

**INSTRUMEN PENTAKSIRAN**
**OGOS 2019** **2 Jam**

**ARAHAN :**

1. Buka kertas instrumen ini apabila diberitahu.
2. Tulis nama, tingkatan dan no. kad pengenalan anda pada ruang yang disediakan.
3. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam kertas instrumen ini.
4. Kertas instrumen ini hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

| Untuk kegunaan pemeriksa | | |
|---|---|---|
| Nama Pemeriksa : | | |
| Bahagian | Markah penuh | Markah diperoleh |
| A | 20 | |
| B | 20 | |
| C | 20 | |
| D | 20 | |
| E | 20 | |
| Jumlah | 100 | |

NAMA :........................................................................

TINGKATAN :........................................................................

NO KAD PENGENALAN :........................................................................

## BAHAGIAN A

[20 markah]

Jawab **semua** soalan

**Soalan 1 hingga 20**

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan **A, B, C** dan **D**. Pilih jawapan yang tepat.

1.

| |
|---|
| **Kalam Allah yang mengandungi hukum dasar, kata-kata hikmah dan pengajaran kepada manusia.** |

Pernyataan di atas, merujuk kepada __________ .

**A** Al-Suhuf
**B** Al-Quran
**C** Al-Hadis
**D** Al-Kitab

2. Siapakah nama malaikat yang ditugaskan untuk menguruskan rezeki?

**A** Jibrail
**B** Mikail
**C** Israfil
**D** Izrail

3. Ulul Azmi bermaksud rasul yang mempunyai ______________ dan ketabahan hati untuk menghadapi ujian dalam dakwah.

**A** Ketekunan
**B** Keikhlasan
**C** Keimanan
**D** Kesabaran

4.

- Masuk waktu solat
- Mencari air selepas masuk waktu
- Menghilangkan najis terlebih dahulu
- Menentukan arah kiblat sebelum bertayammum

Pernyataan di atas merujuk kepada

**A** syarat tayammum
**B** sebab diharuskan tayammum
**C** sunat tayammum
**D** rukun tayammum

5.

| |
|---|
| ***SOLAT SUNAT YANG DILAKSANAKAN BAGI MENGIRINGI SOLAT FARDHU*** |

Pernyataan di atas adalah merujuk kepada solat sunat ..........

**A** Tarawih
**B** Rawatib
**C** Tahajud
**D** Hajat

6. Semua yang berikut ialah alat yang boleh digunakan untuk beristinjak **kecuali**

**A** Air mutlak
**B** Kulit kayu
**C** Debu tanah
**D** Batu kesat

7. Pilih padanan yang betul berkaitan dengan pernyataan dibawah

| | | |
|---|---|---|
| **A** | Matan hadis | Teks hadis yang terdapat sebelum sanad |
| **B** | Sanad | Rangkaian perawi yang menyampaikan hadis |
| **C** | Mutaffiq alaih | Hadis yang disepakati oleh lebih daripada dua ulama hadis |
| **D** | Al-Khabar | Nama bagi kitab hadis yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim |

8. Ketika berada di dalam masjid seseorang itu hendaklah berniat __________

**A** Itikaf
**B** Tadarus
**C** Jemaah
**D** Taharah

9. Antara yang berikut, yang manakah benar tentang proses kejadian manusia?

**A** Nutfah-Alaqah-Mudghah-Izhom-Roh-Bayi
**B** Nutfah-Alaqah-Mudghah-Izhom-Izhom al-Lahma-Roh-Bayi.
**C** Nutfah-Alaqah-Mudghah-Izhom al-Lahma-Roh-Bayi
**D** Nutfah-Alaqah-Mudghah-Izhom-Izhom al-Lahma-Bayi

10. Berikut adalah cara masjid diimarahkan **kecuali**...

**A** Menyediakan kemudahan kepada musafir
**B** Mengadakan aktiviti tadarus
**C** Mengadakan aktiviti jualan murah
**D** Menunaikan solat fardhu dan ibadah sunat

11. ٱلۡحَمۡدُ لِلَّهِ ٱلَّذِيٓ أَنزَلَ عَلَىٰ عَبۡدِهِ ٱلۡكِتَٰبَ وَلَمۡ يَجۡعَل لَّهُۥ عِوَجَاۜ ﴿١﴾

A Mad Silah
B Mad Wajib muttasil
C Mad Badal
D Mad Jaiz munfasil

12.

| |
|---|
| Mendapat pahala jika dilakukan dan berdosa jika ditinggalkan. |

Pernyataan di atas merujuk kepada hukum _______.

A Wajib
B Sunat
C Harus
D Haram

13. Antara yang berikut, manakah yang **bukan** air mutlak.

A Air telaga
B Air kolah
C Air sungai
D Air kumbahan

14. Maksud ___________ ialah Allah **SWT** bersifat Maha Pemurah.

A al-Qawiyyu
B al-Rahim
C al-Rahman
D al-Razzaq

15. Apakah hukum berwuduk bagi orang yang menunaikan solat.

A Haram
B Sunat
C Wajib
D Makruh

16. Berikut merupakan harta yang wajib dikeluarkan zakat **kecuali ...**

A Tanaman dan buah-buahan
B Haiwan ternakan
C Emas dan perak
D Rumah dan tanah

17. Dimanakah tempat persembunyian Rasulullah saw semasa berhijrah?

A Gua Hirak
B Gua Thur
C Rumah Abu Talib
D Masjid Kubak

18.

| |
|---|
| Membentuk jawatankuasa untuk menyalin semula ayat al-Quran yang dikenali sebagai Mushaf Usmani. |

Pernyataan di atas merujuk kepada sumbangan khalifah .........................

A Abu Bakar al-Siddiq r.a
B Umar al-Khattab r.a
C Usman bin Affan r.a
D Ali bin Abi Talib r.a

19. Pilih pernyataan yang **benar** mengenai sifat amanah.

A Mudah menlintasi titian as-Sirat
B Dicemuh oleh masyarakat
C Menjejaskan maruah diri
D Mendapat kemurkaan Allah SWT

20. Antara yang berikut manakah sifat malu yang dituntut dalam Islam?

I Malu melakukan maksiat
II Malu menuntut ilmu
III Malu melakukan kebaikan
IV Malu melanggar perintah Allah SWT

A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV

# KERTAS JAWAPAN OBJEKTIF

| | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | A | B | C | D | 11 | A | B | C | D |
| 2 | A | B | C | D | 12 | A | B | C | D |
| 3 | A | B | C | D | 13 | A | B | C | D |
| 4 | A | B | C | D | 14 | A | B | C | D |
| 5 | A | B | C | D | 15 | A | B | C | D |
| 6 | A | B | C | D | 16 | A | B | C | D |
| 7 | A | B | C | D | 17 | A | B | C | D |
| 8 | A | B | C | D | 18 | A | B | C | D |
| 9 | A | B | C | D | 19 | A | B | C | D |
| 10 | A | B | C | D | 20 | A | B | C | D |

## BAHAGIAN B

[20 markah]

Jawab **semua** soalan

1. (a) Firman Allah SWT:

> فَبِمَا رَحْمَةٍ مِّنَ ٱللَّهِ لِنتَ لَهُمْ ۖ وَلَوْ كُنتَ فَظًّا غَلِيظَ ٱلْقَلْبِ لَٱنفَضُّوا۟ مِنْ حَوْلِكَ ۖ
> فَٱعْفُ عَنْهُمْ وَٱسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِى ٱلْأَمْرِ ۖ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى ٱللَّهِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ
> يُحِبُّ ٱلْمُتَوَكِّلِينَ ﴿١٥٩﴾
>
> (Surah al-Imran : Ayat 159)

Ayat ini menerangkan sifat Rasulullah saw semasa berdakwah .

Berdasarkan ayat di atas tanda ( / ) pernyataan yang betul dan ( X ) pada pernyataan yang salah berkaitan dengan sifat Rasulullah saw semasa berdakwah.

| | | |
|---|---|---|
| i. | Rasulullah saw bercakap dengan lemah lembut semasa berdakwah | |
| ii. | Baginda saw tidak berdendam terhadap penduduk Mekah yang pernah menghina baginda | |
| iii. | Baginda saw berdoa agar musuh -musuhya sentiasa mendapat kemurkaan Allah swt | |
| iv. | Baginda saw hanya menggunakan pendapatnya sahaja dalam semua tindakan | |

[4 markah ]

(b). Jelaskan contoh sifat pemaaf Rasulullah saw semasa berdakwah.

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

..........................................................................................................................

[2 markah]

(c). Terangkan dua pengajaran dari ayat di atas.

.............................................................................................................................

.............................................................................................................................

.............................................................................................................................

.............................................................................................................................

.............................................................................................................................

[4 markah]

2 (a) Sabda Rasullah saw :

| |
|---|
| عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، يَقُولُ: كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ<br>يَقُولُ: اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْعَجْزِ وَالْكَسَلِ وَالْجُبْنِ وَالْهَرَمِ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ<br>فِتْنَةِ الْمَحْيَا وَالْمَمَاتِ وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ. (رواية البخاري) |

Padankan potongan hadis di bawah dengan maksud yang betul.

| | | |
|---|---|---|
| i. | مِنَ الْعَجْزِ وَالْكَسَلِ | Fitnah kehidupan dan kematian |
| | | Sifat pengecut dan nyanyuk |
| ii. | فِتْنَةِ الْمَحْيَا وَالْمَمَاتِ | Daripada sifat lemah dan malas |

[ 2 markah]

(b) Sifat negatif seperti malas, pengecut dan suka membuang masa yang terdapat dalam diri seseorang menyebabkan mereka akan mengalami kegagalan dalam kehidupan.

Huraikan bagaimana anda menghindarkan dari sifat-sifat tersebut.

..................................................................................................................................

..................................................................................................................................

..................................................................................................................................

..................................................................................................................................

..................................................................................................................................

[4 markah]

(c) Tulis semula petikan dibawah dalam tulisan jawi.

Orang yang bersifat qanaah, mereka akan memiliki rasa bertanggungjawab terhadap masyarakat dan negara. Kedua-duanya akan didahulukan melebihi kepentingan diri sendiri .

..................................................................................................................................

..................................................................................................................................

..................................................................................................................................

..................................................................................................................................

..................................................................................................................................

[4 markah]

## BAHAGIAN C

[20 markah]
Jawab **semua** soalan

3 (a) Isi tempat kosong di bawah dengan jawapan yang di sediakan.

| | | | |
|---|---|---|---|
| akidah | panduan | kesejahteraan | naluri |

(i) Agama Islam adalah agama yang memntingkan ................. sejagat.

(ii) Agama merupakan satu perkara penting dalam ................. manusia.

(iii) Orang yang menyembah selain dari Allah swt. ................. akan terbatal.

(iv) Dalam agama terdapat peraturan yang tertentu menjadi ................. kepada manusia.

[4 markah]

(b) Garis jawapan yang betul dalam kurungan di bawah.

(i) Al-Qadir bermaksud Allah swt Yang Maha . ( menentukan / kuat ).

(ii) Allah swt berkuasa ( melenyapkan / menukarkan ) waktu malam dan siang.

(iii) Kekuasaan Allah swt. meliputi ( langit / akhirat ) dan bumi serta segala isinya.

(iv) Segala ketentuan Allah swt. mengikut kehendak ( manusia / dia ).

[4 markah]

(c) (i). Nyatakan dua tugas umum malaikat.

.............................................................................................................................

.............................................................................................................................

[2 markah]

(ii). Terangkankan dua hikmah beriman dengan malaikat .

.............................................................................................................................

.............................................................................................................................

.............................................................................................................................

.............................................................................................................................

[4 markah]

(d). Bagaimanakah cara seseorang mukmin beriman dengan rasul?

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

[2 markah]

(e). Beriman kepada hari Akhirat dapat melahirkan individu berakhlak mulia.

Kemukakan hujah anda untuk menyokong pernyataan di atas.

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

..........................................................................................................................................

[4 markah]

## BAHAGIAN D

[20 markah]
Jawab **semua** soalan

4. (a) (i) Apakah maksud ibadat?

..................................................................................................................

..................................................................................................................

..................................................................................................................

[2 markah]

(ii) Pilih padanaN hukum yang sesuai bagi situasi berikut:

| Haram | Wajib | Sunat | Harus |
|---|---|---|---|

| | | |
|---|---|---|
| 1. | Adam berpuasa pada setiap hari Isnin dan Khamis | |
| 2. | Azami berwuduk sambil berbual-bual dengan rakannya | |
| 3. | Bakhtiar selalu bermain bola sepak bersama rakannya pada setiap petang. | |
| 4. | Yusof memakai baju rakan sekelasnya yang diambil dari ampaian tanpa memaklumkan kepada rakannya terlebih dahulu | |

[4 markah]

(b)

> Rustam mengikuti bapanya menangkap ikan seharian di Laut Cina Selatan. Ketika tiba waktu solat, air yang dibawanya untuk minum dan berwuduk sudah kehabisan .

Apakah tindakan yang perlu dilakukan oleh Rustam untuk menyelesaikan situasi di atas.

..................................................................................................................

..................................................................................................................

..................................................................................................................

..................................................................................................................

..................................................................................................................

[4 markah]

(c) Tandakan ( X ) pada pernyataan yang berkaitan dengan kelebihan solat berjamaah dan ( Y ) pada pernyataan yang sebaliknya :

i. Melahirkan masyarakat yang berdisiplin. ☐

ii. Melatih diri menjadi pemimpin yang berkualiti ☐

iii. Dapat melaksanakan ibadat mengikut kemampuan masing-masing. ☐

[3 markah]

(d) Qiamullail adalah amalan bangun malam untuk beribadat kepada Allah SWT.

Jelaskan **dua** kelebihan yang akan diperolehi jika amalan sedemikian dilaksanakan secara istiqamah.

.............................................................................................................................

.............................................................................................................................

.............................................................................................................................

.............................................................................................................................

.............................................................................................................................

[4 markah]

(e) Garis jawapan yang betul dalam kurungan bagi pernyataan di bawah.

(i) Hukum mengeluarkan zakat fitrah selepas terbenam matahari pada hari terakhir ramadhan. ( **wajib / sunat**)

(ii) Permulaan nisab zakat kambing ialah (**30 / 40** ) ekor.

(iii) Kadar zakat (**5% / 10%** ) dikenakan bagi tanaman yang menggunakan jentera, tenaga manusia serta memerlukan kos yang tinggi.

[3 markah]

## BAHAGIAN E

[20 markah]

Jawab **semua** soalan

5. (a) Lengkapkan biodata Nabi Muhammad s.a.w. dengan jawapan yang betul.

Nabi Muhammad s.a.w.

| Nama sebenar | (i) Tempat lahir | (ii) Keturunan | (iii) Gelaran |
|---|---|---|---|
| Muhammad bin Abdullah | ..........................<br>.......................... | ..........................<br>.......................... | ..........................<br>.......................... |

[3 markah]

(b) Tanda (√) pada pernyataan yang betul dan **(X)** pada pernyataan yang salah berkaitan khalifah Islam Abu Bakar as-Siddiq.

| No | Pernyataan | (√) atau (X) |
|---|---|---|
| (i) | Beliau dilahirkan pada tahun 572M | |
| (ii) | Abu Bakar as-Siddiq dilahir dan dibesarkan di Madinah | |
| (iii) | Beliau meninggal dunia ketika berusia 63 tahun | |

[3 markah]

(c)

Sayidina Khalid bin al-Walid merupakan seorang tokoh perwira Islam yang sangat berjasa dalam menegakkan Agama Allah sehingga beliau digelar sebagai Saifullah..

Bagaimanakah anda mencontohi pengorbanan beliau dalam mengejar kecemerlangan hidup?

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

..........................................................................................................

[4 markah]

(d) Tandakan ( √ ) pada pernyataan yang berkaitan dengan sifat mahmudah dan ( X ) pada pernyataan yang berkaitan dengan sifat mazmumah.

| | **Pernyataan** | **(√ ) atau (X )** |
|---|---|---|
| (i) | Selalu memaafkan kesalahan rakan sekelas | |
| (ii) | Mengelakkan diri daripada bersifat dendam | |
| (iii) | Memukul lembu yang masuk ke kawasan rumah | |
| (iv) | Memelihara burung di dalam sangkar kecil. | |

[4 *markah* ]

(e) Ilmu bagaikan cahaya yang menyuluh kehidupan. Untuk mendapatkan ilmu kita perlulah mengamalkan adab-adabnya agar ilmu yang diperoleh itu diberkati.

Jelaskan dua adab menuntut ilmu.

....................................................................................................

....................................................................................................

....................................................................................................

....................................................................................................

[4 markah ]

(f)

| |
|---|
| *...Apabila kamu tidak malu maka buatlah apa-apa yang kamu suka.* |
| (Riwayat al-Bukhari) |

Nyatakan pengertian malu menurut istilah.

....................................................................................................

....................................................................................................

[2 *markah* ]

**KERTAS SOALAN TAMAT**